

TEORI-TEORI KONSEP KENDIRI

Azizi Bin Yahaya & Norlaily Binti Ahmad
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Cara berfikir dan tingkah laku seseorang pelajar dipengaruhi oleh konsep kendirinya. Konsep sendiri yang positif akan menghasilkan keyakinan diri yang tinggi, dan mempengaruhi kejayaan diri seseorang pelajar. Namun, sebahagian pelajar kurang berkeyakinan dan menunjukkan sikap yang pasif sama ada di dalam atau di luar sekolah.

Katakunci: konsep sendiri

Pengenalan

Konsep sendiri seseorang sangat mempengaruhi kerjaya dalam sesuatu bidang. Tanpa disedari konsep sendiri ini juga boleh berubah-ubah dalam suatu jangka waktu tertentu. Ia dipengaruhi oleh faktor persekitarannya seperti ibu bapa, keluarga, guru, rakan sebaya dan juga masyarakat sekeliling. Sebagai contoh, apabila berlaku penceraian dalam sesebuah keluarga, peristiwa ini mungkin meninggalkan kesan negatif ke atas diri seseorang. Kesannya ia mengubah konsep sendiri seseorang seterusnya mengubah personalitinya kepada personaliti yang baru. Pencapaian akademiknya juga akan turut terjejas disebabkan peristiwa tersebut.

1. Teori-teori Konsep Kendiri

a) Teori Maslow (1970)

Kebiasaannya, individu cenderung untuk membuat penilaian terhadap dirinya berdasarkan kepada tanggapan dan layanan orang-orang disekeliling terhadap dirinya. Individu akan lebih berkeyakinan pada dirinya sendiri jika tanggapan dan layanan yang positif dan baik diberikan kepadanya. Di sini satu konsep sendiri akan terbina iaitu penilaian tentang diri sendiri dan akan mempengaruhi sikap, interaksi sosial dan juga personaliti seseorang. Seterusnya, ia juga mempengaruhi matlamat dan juga cita-cita seseorang dalam memenuhi kehendaknya.

Pernyataan di atas sesuai dengan teori yang dikemukakan oleh Abraham Maslow (1970) iaitu Teori Hierarki Keperluan. Menurut Maslow (1970) dalam Azlina (2002), beliau mengelaskan keperluan asas manusia kepada lima keperluan mengikut hierarki. Keperluan asas tersebut ialah keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, penghargaan sendiri dan juga peringkat yang tertinggi iaitu kesempurnaan sendiri.

b) Teori Pemusatan Individu Carl Roger (1951)

Menurut Rogers (1951) dalam Azizi dan Jaafar (2006), konsep sendiri didefinisikan sebagai definisi diri yang diberikan pada diri sendiri secara sadar. Apabila menggunakan perkataan saya, iaitu ia adalah gambaran persepsi sendiri yang tersusun yang dapat dibawa ke peringkat sadar. Menurut Roger (1951) dalam Azlina (2002), beliau menolak pendapat bahawa manusia dikawal oleh dorongan bawah

sedar. Beliau juga menekankan bahawa pengalaman pada masa sekarang lebih penting daripada pengalaman lepas.

c) Teori Karen Horney (1950)

Menurut Horney (1950) dalam Azizi (2005), mengemukakan teori konsep kendirinya dengan mengambil kira konsep sendiri sebenar dan konsep sendiri ideal. Beliau menyatakan konsep sendiri sebenar merujuk kepada perkara-perkara yang benar tentang diri seseorang. Beliau juga mendefinisikan konsep sendiri ideal sebagai apa yang diinginkan atau dihasratkan oleh seseorang itu untuk memilikinya.

d) Teori Hierarki Keperluan Maslow Sebagai Model Kajian Konsep Kendiri

Teori ini menekankan bahawa seseorang individu perlu memenuhi kesemua keperluan asas iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan dan keperluan kasih sayang sebelum memenuhi keperluan penghargaan sendiri dan mencapai kesempurnaan sendiri. Jika keperluan asas telah dipenuhi, seseorang individu akan lebih yakin pada diri dan seterusnya membina konsep sendiri yang positif.

e) Penggunaan Teori Hierarki Keperluan Maslow

Teori Hierarki Keperluan Maslow menekankan komponen keperluan asas seseorang individu yang perlu dipenuhi terlebih dahulu iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan dan keperluan kasih sayang sebelum memenuhi komponen keperluan yang lebih tinggi iaitu penghargaan sendiri dan kesempurnaan sendiri. Seseorang individu akan mempunyai konsep sendiri yang positif jika individu tersebut telah mencapai kesempurnaan sendiri. Keperluan asas perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum mencapai tahap kesempurnaan sendiri.

2. Teori Personaliti

a) Teori Jenis Trait Eysenck (1967)

Menurut Eysenck (1967) dalam Sasikala (2003), beliau menyatakan personality bermaksud organisasi watak, perangai, intelek dan fizikal seseorang yang agak stabil dan mempunyai daya ketahanan yang mana menentukan keunikan penyesuaian dengan persekitaran. Watak menandakan seseorang yang agak stabil dan daya ketahanan sistem tingkah laku kognitif (*will*). Perangai pula menunjukkan seseorang yang agak stabil dan daya ketahanan sistem tingkah laku afektif (*emotion*). Intelek pula menandakan seseorang yang agak stabil dan ketahanan sistem tingkah laku kognitif (*intelligence*) manakala fizikal pula menandakan seseorang yang agak stabil dari segi ketahanan keseluruhan sistem badan dan pembawaan (*neuroendocrine*).

b) Teori Trait Gordon W. Allport (1971)

Menurut Allport (1971) dalam Azlina (2002), menyatakan personaliti adalah dinamik dalam sistem psikofizikal individu. Personaliti ini menentukan ciri-ciri pemikiran dan tingkah laku seseorang. Beliau melihat personaliti sebagai usaha ke arah penyatuan, proses perubahan dan perkembangan yang berterusan dalam diri individu. Tingkah laku seseorang sebenarnya adalah dipengaruhi oleh persepsi individu walaupun faktor-faktor persekitaran boleh mempengaruhi individu tersebut. Justeru itu, beliau berpendapat bahawa kelakuan manusia sebenarnya dikawal oleh faktor dalaman di mana tingkah laku yang berbeza adalah disebabkan kecenderungan yang berlawanan atau trait dalam diri seseorang.

c) Teori Psikoanalisis Sigmund Freud (1940)

Menurut Sigmund Freud (1940) dalam Azlina (2002), beliau telah mengemukakan struktur personaliti untuk memahami konflik yang berlaku. Freud (1940) membentuk struktur personaliti yang dapat menggambarkan konflik berlaku dan mempengaruhi tingkah laku seseorang. Terdapat tiga sistem dalam minda manusia iaitu id, ego dan superego.

d) Teori Jenis Trait Eysenck (1967) Sebagai Model Kajian Personaliti

Teori ini dapat menentukan sama ada seseorang individu itu mempunyai jenis personaliti berdasarkan skala ekstroversi iaitu ekstrovert atau introvert dan skala neurotisme iaitu neurotik atau kestabilan emosi. Selain daripada itu, teori ini menyatakan bahawa seseorang yang ekstrovert merupakan seorang yang kuat bercakap, suka berdampingan dengan orang lain, dan senang bergaul bertentangan dengan seseorang yang introvert iaitu cenderung untuk bersendirian dan pemalu.

e) Penggunaan Teori Jenis Trait Eysenck (1967)

Dalam teori jenis trait ini, teori ini dapat menjelaskan tentang perkaitan di antara jenis personaliti seseorang dengan pencapaian akademiknya. Ini kerana jenis personaliti seseorang pelajar itu mempengaruhi interaksi sosialnya di sekolah seterusnya mempengaruhi prestasi pelajarannya.

Menurut Rohaty (1992), ada pendapat yang menyatakan bahawa seseorang yang introvert itu adalah lebih mudah terlazim dan lebih mudah menelaah di sekolah berbanding dengan seorang yang ekstrovert. Melalui kajian-kajian yang telah dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa seorang yang ekstrovert mempunyai prestasi pencapaian akademik yang lebih baik di peringkat sekolah rendah. Tetapi sebaliknya seorang yang introvert mendapat ijazah dari universiti yang paling tinggi dan terbaik.

Rujukan

Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2006). *Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Azizi Yahaya, Fawziah Yahaya, Zurihanmi Zakariya dan Noordin Yahaya (2005). *Pembangunan Kendiri*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Azlina Abu Bakar (2002). *Psikologi Personaliti Individu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Sasikala A/P Madaran (2003). *Corak Asuhan Keluarga dan Hubungan dengan Pembentukan Personaliti Remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Johor*. Tidak diterbitkan. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.